

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

# Gagal urus hidup 14 hari tanda awal sakit mental

**Kegagalan** melakukan kegiatan sehari-hari termasuk menguruskan kerja dan hal kehidupan dalam tempoh 14 hari adalah petanda awal kesihatan mental.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata persoalan dikaitkan dengan penyakit mental bukan hanya berkisar kepada keadaan kronik seperti psikosis, skizofrenia dan neurosis yang jelas diperkatakan dalam bidang perubatan.

Katanya, isu lebih mencabar ketika ini terarah kepada keperluan untuk merungkai masalah kesihatan mental yang dengan kata lain merangkumi kategori kemurungan, tekanan dan keresahan.

"Jika cabaran (kesihatan) mental ini tidak ditangani, ia pasti mengundang kesan terhadap kebolehan menjalankan kegiatan sehari-hari.

"Apa yang dikatakan kemurungan itu mengikut takrifan kami ialah 14 hari jika tidak boleh menjalankan tugas-tugas sehari-hari.

"Jadi, cabaran sangat besar untuk masalah kesihatan mental ini ditangani pada skala nasional



**Jika cabaran (kesihatan) mental ini tidak ditangani, ia pasti mengundang kesan terhadap kebolehan menjalankan kegiatan sehari-hari.**

**Dr Dzulkefly Ahmad,  
Menteri Kesihatan**

menerusi pelan tindakan khusus," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hassan Bahrom (PH-Tampin) mengenai langkah mengurangkan penularan stigma masyarakat terhadap penyakit mental, memandangkan masalah itu bakal menjadi isu kesihatan kedua terbesar menjelang 2020 bagi rakyat Malaysia.

Menjawab soalan asal Hassan berhubung usaha menangani masalah kesihatan mental rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan, Dr Dzulkefly berkata, kempen kesedaran berskala nasional, 'Let's Talk Malaysia' adalah inisiatif baharu kendalian kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Diadakan pada setiap Oktober, beliau berkata, ia bertujuan memupuk kesedaran rakyat mengenai kepentingan kesejahteraan kesihatan minda, selain membanteraus stigma terhadap kesihatan mental.

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 26****RUANGAN : SETEMPAT****Kuala Lumpur**

## **KKM sediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1,001 klinik**

Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1,001 klinik kesihatan di seluruh negara sebagai langkah rawatan, pengesanan awal dan pencegahan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, antara perkhidmatan disediakan termasuk aktiviti promosi, pengesanan awal dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.

Selain itu, katanya, klinik kesihatan remaja merangkumi perkhidmatan kaunselling.

"KKM juga memberi perkhidmatan psikiatri di empat institusi mental dan 61 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Ia menawarkan rawatan dan intervensi psikiatri serta saringan pengesanan awal kepada individu yang disyaki mengalami masalah kesihatan mental," katanya di Dewan Rakyat, semalam. Beliau menjawab soalan

Datuk Dr Hassan Bahrom (PH-Tampin) mengenai usaha kerajaan bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, KKM komited menangani kesihatan mental dan untuk itu, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk penetapan Pelan Rancangan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental (2019-2025) yang akan dilancarkan September depan.

Menurutnya, KKM giat melaksanakan aktiviti kesedaran berkaitan kesihatan mental menerusi Kempen Cara Hidup Sihat di pelbagai platform.

Katanya, kementerian mewujudkan laman web Portal MyHealth [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) yang memuatkan maklumat tepat mengenai topik berkaitan kesihatan mental.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## Lima masih dirawat di Hospital Kuala Krai

### KES ORANG ASLI KUALA KOH

**KUALA KRAI** - Lima orang asli Batek yang mengalami masalah berkaitan pernafasan sebelum ini masih dirawat di wad khas kluster Hospital Kuala Krai setakat semalam.

Pengarah Hospital Kuala Krai, Dr Mohd Salleh Mat Jusoh berkata, daripada lima pesakit berkenaan, seorang merupakan bayi berusia empat bulan.

"Bayi yang pada mulanya dimasukkan ke hospital dengan berat 1.8 kilogram menunjukkan perkembangan positif apabila beratnya meningkat kepada 3 kilogram.

"Kini kita sedang menunggu laporan lanjut kesihatan pesakit untuk menyerahkannya kepada Jabatan Orang Asli," katanya kepada *Sinar Harian* selepas merasmikan Karnival Sukan Hospital Kuala Krai di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Krai di sini semalam.

Dr Mohd Salleh berkata, kesemua empat pesakit yang sedang menerima rawatan di Hospital Kuala Krai juga menunjukkan perkembangan positif.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

# 50 mangsa terbaharu pencemaran udara

**PASIR GUDANG 18 Julai** -Pencemaran udara di daerah ini masih belum reda apabila lebih 50 pelajar dari beberapa sekolah mengalami muntah-muntah, loya dan pening sehingga pukul 1 petang ini di daerah ini.

Mereka yang menjadi mangsa antaranya dari Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, SK Kopok, SK Kota Masai 1 dan SK Pasir Gudang 4.

Difahamkan mereka mendapat bantuan daripada pihak bomba sebelum dihantar ke klinik kesihatan untuk rawatan dan saringan kesihatan.

Seramai 40 anggota kesihatan di klinik kesihatan berkenaan bertugas memberikan rawatan dan bantuan kepada mangsa pencemaran tersebut.

Dalam pada itu, seorang warga maya dipercayai ibu kepada seorang mangsa, Nor Izah Ahmad meluahkan rasa tidak puas hatinya terhadap insiden itu.

Menerusi Facebook miliknya, dia hairan dengan kes pencemaran udara di Pasir Gudang yang masih tidak selesai sehingga kini.

“Sampai bila kes nak selesai, sampai bila anak-anak nak tanggung kesakitan, ambil darah memanjang tapi tak dapat keputusan lagi.

“Darah dah berbotol-botol ambil, kalau anak saya saja-saja buat (pura-pura muntah, loya dan sakit kepala) kenapa nak ambil darah, air kencing, masuk air bagi, baik suruh balik saja,” tulis Nor Izah.